

TAJUK : KENALI NEGARA KITA

Baca petikan ucapan di bawah ini dan fahaminya.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, para tetamu yang dihormati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana **hadir** ke majlis 'Kempen Kenali Negara Kita'.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Seperti yang diketahui, melancong dapat menenangkan fikiran serta mengurangkan tekanan setelah menjalani kegiatan **rutin** setiap hari yang agak **mementingkan**. Adakah semua orang mampu melancong ke luar negara? **Kos** yang perlu kita tanggung untuk melancong ke luar negara sememangnya tinggi. Tidak semua orang **mampu membiayai** kos tersebut.

Sebenarnya, negara kita mempunyai banyak tempat menarik. Negara kita juga kaya dengan **flora** dan **fauna**, selain itu mempunyai kebudayaan yang **diwarisi** sejak zaman-berzaman. Oleh itu, kita tidak perlu mengeluarkan banyak kos untuk ke luar negara.

Kempen 'Kenali Negara Kita' yang **dianjurkan** ini akan membuka mata warga kita tentang **keunikan** negara kita. Tempat menarik di negara kita ini mesti kita terokai. Sekiranya kita berbuat demikian, sudah tentu kita akan dapat **menyalurkan** maklumat tentang keistimewaannya kepada para pelancong. Selain itu, kempen ini akan membuka **lembaran** baru bagi percutian di dalam negeri dan dapat mengurangkan jumlah warga Brunei Darussalam melancong ke luar negara.

Kempen yang dijalankan dalam **jangka masa** tiga tahun ini merupakan peluang bagi **menjana** pekerjaan dalam sektor pelancongan. Sekiranya kita melancong di dalam negara, kita akan dapat menyekat pengaliran wang ke luar negara. Aktiviti ini akan meningkatkan pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam perniagaan pelancongan.

Tujuan kempen ini adalah untuk meningkatkan pertumbuhan pelancongan **domestik** serta menjadikan negara ini destinasi yang mesra dan menyeronokkan. Kempen ini juga sebagai **wadah** untuk memberikan **keyakinan** kepada kita untuk merebut peluang dalam industri pelancongan dan mendidik masyarakat tempatan tentang **potensi** industri pelancongan di negara kita. Selain itu, aktiviti ini juga adalah sebagai persediaan untuk promosi pelancongan di arena antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Jawab soalan di bawah berdasarkan petikan yang telah kamu baca tadi. Taipkan jawapan paling tepat dari pilihan jawapan yang disediakan.

Tidak semua orang mampu melancong ke luar negara kerana kos tinggi yang perlu ditanggung oleh mereka yang ingin melancong.
Kempen ini dijalankan selama 3 tahun.
Tujuan taklimat itu diadakan untuk mempromosi 'Kempen Kenali Negara Kita'.
Jika kita melancong di dalam negara, kita dapat menyekat pengaliran wang ke luar negara.
Kita mesti terokai tempat menarik di negara kita agar dapat menyalurkan maklumat tentang keistimewaannya kepada para pelancong.
Taklimat ini disampaikan oleh Pegawai Kerajaan.
Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan pelancongan domestik serta menjadikan negara ini destinasi yang mesra dan menyeronokkan.
Negara Brunei Darussalam kaya dengan flora dan fauna.

1. Pada pendapat kamu, siapakah yang menyampaikan taklimat ini?

2. Apakah tujuan taklimat itu diadakan?

3. Mengapakah tidak semua orang mampu melancong ke luar negara?

4. Negara Brunei Darussalam kaya dengan apa?

5. Mengapakah kita mesti terokai tempat menarik di negara kita?

6. Berapa lamakah kempen ini dijalankan?

7. Apakah kebaikannya jika kita melancong di dalam negara?

8. Apakah tujuan kempen ini?